




JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (IBU PEJABAT)
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)
TINGKAT 10, 15 & 22 WISMA KWSG,
JALAN KAMPONG ATTAP,
50534 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2735237

03-2735208

Fax : 03-2735492

Pengurus
JEKS Engineering Sdn. Bhd.
C11-1F, Jalan Ampang Utama 1/1,
Off Jalan Ampang,
68000 Ampang,
Selangor.

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JKJ/KB L/6 687

Tarikh : 28hb. Feb. 1996

Tuan,

Perkara : MAST CLIMBING WORK PLATFORM
Model : SCANCLIMBER SC 4000
Beban Kerja Selamat : i) 2000 KG.
(Single Mast/4.2m Platform)
ii) 1200 KG.
(Twin Mast/11.9m Platform)
Pembuat : OY SCANINTER NOKIA LTD., FINLAND.

Adalah saya diarah merujuk surat tuan bertarikh 8hb. Disember 1996 berkenaan perkara di atas.

2. Rekabentuk mesin angkat di atas telah diluluskan untuk beban kerja selamat dan panjang pelantar menurut spesifikasi pembuat seperti yang tercatat di dalam katalog dan manual.

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- a) Mesin angkat mestilah didirikan hanya oleh firma tuan dengan syarat firma tuan diiktiraf oleh Jabatan ini untuk melakukan kerja itu.
- b) Semua alat-alat keselamatan mesin angkat mestilah dipasang menurut spesifikasi pembuat dan hendaklah diuji dan disahkan betul serta di dalam keadaan baik oleh firma yang mendirikan mesin angkat. Alat keselamatan tambahan untuk memastikan mesin angkat terhenti apabila pergerakan pelantarnya terhalang hendaklah dipasang.
- c) Kerja-kerja memasang, menyenggara, memperbaiki, meninggi dan merombak mesin angkat mestilah dijalankan mengikut spesifikasi pembuat serta menurut praktik kejuruteraan yang baik dan selamat dibawah pengelolaan seorang Orang Bertanggungjawab yang masih diiktiraf oleh Jabatan ini. Buku catatan mengenai kerja-kerja di atas hendaklah disimpan oleh pihak tuan dan senang diperolehi bila dikehendaki oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

- d) Mesin angkat mestilah diperiksa oleh seorang Orang Bertanggungjawab yang masih diiktiraf oleh Jabatan ini pada tiap-tiap kali sebelum digunakan. Laporan pemeriksaan hendaklah disimpan dan senang diperolehi bila diperlukan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Apa-apa kerosakan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pekerja mestilah dilaporkan terus kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- e) Mesin angkat itu mestilah lulus ujian fungsi alat-alat kawalan dan keselamatan pada beban kerja selamat maksima. Mesin angkat itu juga mestilah lulus satu ujian beban lampau(overload) pada 125% beban kerja selamat. Ujian-ujian itu mestilah disaksikan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- f) Surat pengesahan struktur dan asa dimana mesin angkat akan dipasang dari Jurutera Struktur berdaftar serta salinan lulusan, katalong dan manual hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sebelum apa-apa ujian dijalankan.
- g) Mematuhi apa-apa syarat tambahan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

4. Sila berhubung terus dengan Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tempatan untuk mendapatkan kebenaran memasang dan kemudiannya menguji dan memeriksa mesin angkat tersebut.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.


SYED MOHD. AB. FATAH)

b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.

s.k. Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Tempatan.

NMY/96.